



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH KHAS AIDILADHA 1442H

Tajuk :

“CABARAN DAN PENGORBANAN”

Tarikh Dibaca :

**10 ZULHIJJAH 1442H/
20 JULAI 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**KHUTBAH KHAS AIDILADHA 1442H****10 ZULHIJAH 1442H / 20 JULAI 2021****CABARAN DAN PENGORBANAN**

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ،
صَدَقَ وَعْدُهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَاتَ وَأَحْيَى. الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِالتَّقْوَى وَنَهَانَا عَنِ اتِّبَاعِ الْهَوَى.
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ لَنَا عِيدَ الْفِطْرِ وَالْأَضْحَى. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ نِعْمَ الْوَكِيلَ وَنِعْمَ
الْمَوْلَى، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ وَ مِنْ يَنْكِرْهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا. وَ
صَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَ حَبِيبِنَا الْمُصْطَفَى، مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الْهُدَى، الَّذِي لَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَى،

إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى، وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَاءِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِنْ
إِتْبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْجَزَاءِ. أَمَّا بَعْدُ: فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَانُ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ
وِطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ
الرَّجِيمِ، بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ. فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ. إِنَّ شَانِئَكَ
هُوَ الْأَبْتَرُ. صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru saudara-saudari yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Pada pagi yang indah ini, khatib akan menyampaikan khutbah bertajuk: **“CABARAN DAN PENGORBANAN”**.

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Hari ini, tanggal 10 Zulhijjah merupakan hari yang sangat istimewa untuk umat Islam seluruh dunia. Seluruh umat Islam merayakannya dengan penuh gembira. Pada waktu ini juga, sebahagian umat Islam yang memenuhi panggilan Allah SWT, sedang menjalani rangkaian puncak ibadah haji di Mekah, Arafah, Muzdalifah dan Mina. Manakala yang tidak melaksanakan ibadah haji pula, melaksanakan Solat Sunat Aidiladha dan melaksanakan ibadah korban sehingga berakhirnya Hari Tasyrik. Pandemik Covid-19 yang masih belum reda telah menghalang sebahagian saudara kita untuk melaksanakan ibadah haji pada tahun ini. Janganlah bersedih, wahai saudaraku. Teruslah berdoa agar Allah SWT segera mengangkat wabak ini seluruhnya agar kita dapat melaksanakan segala syariat-Nya. Mudah-mudahan, pada hari yang baik dan penuh keberkatan ini, Allah SWT memakbulkan doa ini. Amiin.

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Segala puji bagi Allah SWT, yang telah menganugerahkan bermacam kenikmatan kepada kita dan salah satunya kenikmatan menyambut Hari Raya Aidiladha walau dalam suasana kita masih lagi berdepan dengan pandemik Covid-19 yang belum reda. Tetaplah bersyukur dan memuji Allah SWT kerana semua yang berlaku di atas muka bumi ini hanya Allah SWT jualah yang Maha Mengetahui.

Pada tahun ini, kita masih lagi menyambut Aidiladha dalam suasana yang mencabar dan kawalan pergerakan yang masih lagi diteruskan berikutan bilangan kes harian yang masih lagi tinggi dan tidak menentu. Jagalah diri dan kesihatan. Selain itu, teruskanlah bertaubat dan bermunajat memohon kepada Allah SWT agar segera diangkat wabak dan musibah ini kerana hanya Allah SWT jualah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu dan hanya Dia-lah yang Maha Mengabulkan doa hamba-hamba-Nya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam pada kita berjuang melawan pandemik Covid-19, kita juga berdepan dengan bermacam bentuk cabaran. Pasti, ramai yang terkesan dari sudut ekonomi, psikologi dan mental, pendidikan, bahkan, cuaca politik negara juga ada pasang surutnya.

Seharusnya kita sedar bahawa manusia merupakan makhluk sosial yang tidak mampu hidup sendiri. Manusia merupakan makhluk yang memerlukan orang lain dalam banyak perkara. Maka, ketika kita ada kelebihan rezeki dan boleh berkorban, alangkah baiknya jika kita tidak menunda-nunda lagi. Yakinlah saudaraku, bahawa korban kita akan diterima Allah SWT dan akan dilipatgandakan pahalanya kerana membantu orang lain yang sedang mengalami kesusahan dan keduakaan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ
وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya: “Sesiapa yang menyelesaikan kesusahan seorang mukmin dari pelbagai kesusahan dunia, nescaya Allah akan memudahkan kesusahannya pada hari kiamat. Sesiapa yang memudahkan orang yang sedang kesusahan, nescaya Allah mudahkan baginya di dunia dan akhirat”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Walau apa jua keadaan dan perkara yang berlaku, Aidiladha tidak boleh kehilangan makna dan intipatinya. Ibadah korban yang kita laksanakan saban tahun memiliki hikmah dan pengajarannya yang banyak jika kita benar-benar menekuninya. Ambillah hikmah keteguhan dan keikhlasan Nabi Ibrahim AS yang sanggup mengorbankan sesuatu yang paling dicintainya. Ibadah korban yang dilaksanakan juga pasti memiliki banyak kelebihan sama ada kepada diri sendiri mahupun kepada orang di sekeliling kita. Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina A'isyah radhiyallahuanha, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا عَمَلِ آدَمِيٍّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، إِنَّهُ لِيَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ
بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ،
فَطَيَّبُوا بِهَا نَفْسًا

Maksudnya: “Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak adam pada hari al-Nahr (Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada menumpahkan darah (binatang korban). Sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada redha Allah SWT

sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban)”. (Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi. Beliau menghukum hadis ini sebagai hasan gharib)

Bagi yang melaksanakan ibadah korban pada tahun ini, mudah-mudahan Allah SWT mengampunkan segala dosa dan menerima setiap ibadah korban yang dilakukan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Begitulah sebahagian hikmah dan intipati ibadah korban yang patut kita ambil dan laksanakan dalam rangka membentuk diri sebagai Muslim yang bertakwa. Setiap cabaran dan ujian yang terbentang perlu dihadapi dengan akal dan tindakan yang rasional. Cabaran yang dihadapi juga memerlukan pengorbanan dan ketabahan yang tinggi. Berkorbanlah sebahagian harta yang kita miliki bagi membantu ahli keluarga, saudara-mara, jiran tetangga dan sesiapa jua yang sedang dalam kesusahan. Korbankanlah masa tidur kita dengan bangun mendirikan malam untuk bertaubat dan bermunajat kepada Allah SWT. Korbankanlah keseronokan dan hiburan yang sia-sia dengan menumpukan kepada pembaikan diri kerana hiburan yang sia-sia itu tidak akan membantu kita menghadapi hari perbicaraan di Mahsyar kelak. Khatib juga ingin mengambil peluang pada hari yang mulia ini untuk mengingatkan saudara-saudari sekalian terutamanya para pemimpin, juga kepada seluruh rakyat sekalian agar menumpukan sepenuh usaha dan tindakan dalam usaha mengekang penularan wabak Covid-19. Hentikanlah percakapan yang sia-sia. Bersimpatilah terhadap rakyat dan janganlah kerana ketamakan itu menyebabkan rakyat pula yang menjadi mangsa. Bagaimanakah Allah SWT mahu memperkenankan doa kita dan menurunkan rahmat-Nya selagimana kita masih lagi bergelumbang dengan dosa, kemaksiatan dan perpecahan?

Firman Allah SWT:

﴿ وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴾

﴿ ٩٦ ﴾

Maksudnya: “Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.” (Surah al-A’raaf ayat 96)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ

الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ الأَحْزَابُ: ٥٦

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا
سري فدوك بكنيدا يغ دفرتوان اكوخ ، السلطان عبد الله رعاية الدين المصطفى بالله
شاه ابن المرحوم سلطان حاج أحمد شاه المستعين بالله.

وَكذلك كباوه دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سري فدوك بكنيدا راج فرمايسوري اكوخ،
تونكو (Tunku) حواجه عزيزة أمينة ميمونة إسكندرية بنت المرحوم المتوكل على
الله سلطان إسكندر الحاج.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .


اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتِكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾  النحل: ٩٠

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.